

# GERBANG VARSITI KITA



Bil. 24/2025

Korpus Sejarah UKM

## ZA'BA: PENERIMA IJAZAH KEHORMAT UKM DOKTOR PERSURATAN 1973

Tan Sri Hj. Zainal Abidin bin Ahmad, lebih dikenali sebagai Za'ba, merupakan seorang ilmuwan, sasterawan, ahli bahasa, pemikir, dan pejuang bahasa yang banyak menyumbang kepada perkembangan pendidikan dan kemajuan bahasa kebangsaan di Malaysia. Allahyarham Za'ba merupakan penerima pertama Ijazah Kehormat Doktor Persuratan sempena Majlis Konvokesyen Pertama Universiti Kebangsaan Malaysia pada 23 Jun 1973.

Za'ba dilahirkan pada 16 September 1895 di Kampung Bukit Kerdas, Jempol, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Beliau merupakan seorang yang gemar membaca, menulis dan mengarang. Za'ba bergiat secara aktif dalam bidang penulisan dan pelbagai kegiatan sosial serta politik tanah air. Sebagai seorang penulis dan ahli Bahasa, beliau banyak menghasilkan karya yang memperkuuhkan tatabahasa dan penggunaan bahasa Melayu dalam Pendidikan. Antara karyanya ialah Ilmu Bahasa Melayu (1926), Rahsia Ejaan jawi (1929), Pelita Mengarang, Ilmu Mengarang Melayu (1934), Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi (1938), dan tiga jilid siri Pelita Bahasa Melayu (1940, 1946 dan 1949) Buku-buku beliau, seperti "Pelita Bahasa Melayu", menjadi rujukan utama dalam pembelajaran bahasa Melayu moden. Selain itu, hasil penulisan beliau juga terbit dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan seperti Utusan Melayu, Lembaga Melayu, Pengasuh dan Pakar Majalah.



Selain itu, Za'ba juga memainkan peranan penting dalam memartabatkan pendidikan Melayu dan merupakan tokoh awal yang menyemarakkan idea penubuhan sebuah Universiti Kebangsaan. Beliau juga merupakan seorang ahli akademik yang berkhidmat di institusi pendidikan seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kolej Perguruan Sultan Idris, dan Universiti Malaya.

Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh UKM pada tahun 1973 merupakan pengiktirafan terhadap jasa, khidmat dan sumbangan besar beliau dalam perkembangan Bahasa Melayu, pendidikan dan kesusasteraan.

Sumber:

- Institut Alam dan Tamadun Melayu. (n.d.). Pendeta Za'ba (Zainal Abidin Ahmad). Universiti Kebangsaan Malaysia. [https://malaycivilization.com.my/exhibits/show/tokoh-pemikir-alam-melayu/pendeta\\_zaba](https://malaycivilization.com.my/exhibits/show/tokoh-pemikir-alam-melayu/pendeta_zaba)
- Abd Razak Hussin, Abdul Razak Mahmud, Abdullah Zaidi Hassan, Ahmad Munawar Ismail, Baharuddin Yatim, Che Husna Azhari, Harith Faruqi Sidek, Imran Ho-Abdullah, Ishak Arshad, Jaafary Awang, Khalijah Bakar, Laily Din, Mohf. Abdul Rashid Mohd Fadzil, Mohd Hanafiah Omar, Mohd Yusof Othman, Muhammad Yahay, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Rahimah Abdul Aziz, Riza Atif Abdullah Ok Rahmat, ... Zakaria Stapa. (2013). Warisan harta intelek UKM (Jilid 1). Muzium Warisan Akademik, UKM.